

P.U. (A) 162.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN AUSTRALIA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Australia) 2003**.

Pelepasan cukai dua kali

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Australia dengan tujuan memberikan pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Australia (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

(Perenggan 2)

PROTOKOL YANG MEMINDA PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN KERAJAAN AUSTRALIA BAGI PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI
DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL MENGENAI CUKAI ATAS PENDAPATAN
SEBAGAIMANA YANG DIPINDA OLEH PROTOKOL PERTAMA BERTARIKH
2 OGOS 1999

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia berhasrat untuk meminda Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Australia bagi pengelakan pencukaian dua kali dan pencegahan pelarian fiskal mengenai cukai atas pendapatan yang dibuat di Canberra pada 20 Ogos 1980 (sebagaimana yang dipinda oleh Protokol pertama kepada Perjanjian itu yang dibuat di Sydney pada 2 Ogos 1999), (dalam Protokol ini disebut "Perjanjian, sebagaimana yang dipinda"),

Telah bersetuju seperti yang berikut:

Perkara 1

Perkara 9 Perjanjian, sebagaimana yang dipinda, dipinda dengan menambahkan selepas perenggan 2 perenggan yang berikut:

"3. Jika keuntungan yang ke atasnya sesuatu perusahaan salah satu Negara Pejanji telah dikenakan cukai di Negara itu juga dimasukkan, menurut peruntukan perenggan 1 atau 2, dalam keuntungan sesuatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi dan dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu, dan keuntungan yang dimasukkan sedemikian ialah keuntungan yang mungkin semunasabahnya

dijangkakan terakru kepada perusahaan itu bagi Negara yang satu lagi jika syarat-syarat yang berkuat kuasa antara perusahaan itu merupakan syarat-syarat yang semunasabahnya dijangkakan berkuat kuasa antara perusahaan bebas yang berurusan dengan sepenuh kebebasan antara satu sama lain, maka Negara yang mula-mula disebut itu hendaklah membuat suatu pelarasan yang sesuai kepada jumlah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan itu dalam Negara yang mula-mula disebut itu. Pada menentukan pelarasan sedemikian, perhatian yang sewajarnya hendaklah diberi kepada peruntukan lain Perjanjian ini dan bagi maksud ini pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah jika perlu berunding antara satu sama lain.”.

Perkara 2

Perkara 10 Perjanjian, sebagaimana yang dipinda, dipotong dan digantikan dengan yang berikut:

“Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin salah satu Negara Pejanji bagi maksud cukainya, yang merupakan dividen yang baginya pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi berhak secara benefisial, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, dividen itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji yang baginya syarikat yang membayar dividen itu merupakan pemastautin, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi—

(a) di Australia—

(i) tiada cukai boleh dikenakan ke atas dividen setakat yang dividen itu telah “difranki” mengikut undang-undang Australia yang berhubungan dengan cukai, jika orang yang berhak secara benefisial kepada dividen itu merupakan suatu syarikat (selain suatu perkongsian) yang memegang secara langsung sekurang-kurangnya 10 peratus kuasa mengundi dalam syarikat yang membayar dividen itu; dan

(ii) cukai yang dikenakan tidak boleh melebihi 15 peratus daripada jumlah kasar dividen itu setakat yang baginya dividen itu bukan merupakan dividen dalam subperenggan (a)(i); dan

(b) di Malaysia—

tiada cukai boleh dikenakan ke atas dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat yang bermastautin di Malaysia bagi maksud cukai Malaysia yang merupakan dividen yang baginya pemastautin Australia berhak secara benefisial, sebagai tambahan kepada cukai yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan atau keuntungan syarikat yang membayar dividen itu.

3. Bagi maksud perenggan 2, jika undang-undang yang berkaitan dalam salah satu Negara Pejanji pada tarikh Protokol ini ditandatangani diubah selain mengenai hal kecil yang tidak menyentuh sifat amnya, Negara Pejanji hendaklah berunding antara satu sama lain dengan tujuan memersetujui apa-apa pindaan bagi perenggan itu yang sesuai.

4. Istilah “dividen” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer, dan juga amaun lain yang tertakluk kepada kaedah pencukaaian yang sama sebagaimana pendapatan daripada syer oleh undang-undang Negara yang baginya syarikat yang membuat pengagihan itu merupakan pemastautin bagi maksud cukainya.

5. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidak terpakai jika orang yang berhak secara benefisial kepada dividen itu, yang merupakan pemastautin salah satu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi, yang baginya syarikat yang membayar dividen itu merupakan pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak di Negara yang satu lagi itu, dan pemegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

6. Jika suatu syarikat yang merupakan pemastautin salah satu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan daripada Negara Pejanji yang satu lagi, maka Negara yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu - yang merupakan dividen yang baginya seseorang yang bukan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu berhak secara benefisial - kecuali setakat yang pemegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap yang terletak di Negara yang satu lagi itu, walaupun jika dividen yang dibayar terdiri, keseluruhannya atau sebahagiannya, daripada keuntungan atau pendapatan yang terbit di Negara yang satu lagi itu. Perenggan ini tidak terpakai berhubung dengan dividen yang dibayar oleh mana-mana syarikat yang merupakan pemastautin Australia bagi maksud cukai Australia dan yang juga merupakan pemastautin Malaysia bagi maksud cukai Malaysia.

7. Dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin Malaysia hendaklah termasuk dividen yang dibayar oleh syarikat yang merupakan pemastautin Singapura yang bagi maksud dividen itu telah mengisytiharkan dirinya sebagai pemastautin Malaysia, tetapi tidak termasuk dividen yang dibayar oleh syarikat yang merupakan pemastautin Malaysia yang bagi maksud dividen itu telah mengisytiharkan dirinya sebagai pemastautin Singapura.”

Perkara 3

Perkara 12 Perjanjian, sebagaimana yang dipinda, dipinda dengan—

- (a) memotong perenggan 3, 8 dan 9 dan menomborkan semula perenggan 1 hingga 6;
- (b) memotong “perenggan 1, 2 dan 3” dan menggantikan “perenggan 1 dan 2” dalam perenggan 3 yang dinomborkan semula; dan

(c) memotong “atau” di hujung subperenggan (c) perenggan 6 yang dinomborkan semula, menomborkan semula subperenggan “(d)” yang sedia ada sebagai “(f)” dan memasukkan subperenggan yang berikut:

“(d) penggunaan berkaitan dengan televisyen, radio atau penyiaran lain, atau hak untuk menggunakan berkaitan dengan penyiaran itu, imej tampak atau bunyi, atau kedua-duanya, yang dihantar melalui:

(i) satelit; atau

(ii) kabel, gentian optik atau teknologi yang seumpamanya;

(e) penggunaan, atau hak untuk menggunakan, beberapa atau kesemua bahagian spektrum frekuensi radio yang dinyatakan dalam lesen yang berkaitan; atau”.

Perkara 4

Perkara 21 Perjanjian, sebagaimana yang dipinda, dipotong dan digantikan dengan yang berikut:

“Perkara 21

PENDAPATAN LAIN

1. Butiran pendapatan seseorang pemastautin salah satu Negara Pejanji, apabila berbangkit, yang tidak diperkatakan dalam Perkara terdahulu Perjanjian ini boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.

2. Peruntukan perenggan 1 tidak terpakai bagi pendapatan, selain pendapatan daripada tanah sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, yang diperoleh oleh pemastautin salah satu Negara Pejanji jika pendapatan itu sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

3. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 dan 2, butiran pendapatan seseorang pemastautin salah satu Negara Pejanji yang tidak diperkatakan dalam perkara terdahulu Perjanjian ini daripada sumber di Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.”.

Perkara 5

Perkara 23 Perjanjian, sebagaimana yang dipinda, dipinda dengan—

(a) memotong perenggan 4 hingga 7 dan menggantikannya dengan yang berikut:

“4. Bagi maksud perenggan 5, istilah “cukai Malaysia dilepaskan” ertinya suatu amaun yang, di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut Perjanjian ini, sepatutnya kena dibayar sebagai cukai Malaysia atas pendapatan jika pendapatan itu tidak dikecualikan sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya daripada cukai

Malaysia mengikut Jadual 7A dan 7B Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Malaysia atau seksyen 22, 23, 29, 29A, 29B, 29C, 29D, 29E, 29F, 29G, 29H, 31E, 35, 37 dan 41B Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi Malaysia dan seksyen 45 Akta itu setakat yang ia berhubung dengan seksyen 21, 22, 26, atau 30Q Akta Galakan Pelaburan 1968, setakat yang seksyen itu berkuat kuasa pada, dan tidak diubah suai sejak, tarikh tandatangan Protokol kedua yang meminda Perjanjian itu atau telah diubah suai hanya dalam hal kecil yang tidak menyentuh sifat amnya.

5. Walau apa pun kuat kuasa perenggan 4, cukai Malaysia dilepaskan tidak boleh disifatkan telah dibayar berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh daripada—

- (a) perkhidmatan perbankan, insurans, perundingan, perakaunan, pengauditan atau perkhidmatan yang seumpamanya; atau
- (b) pengendalian kapal atau pesawat udara, selain kapal atau pesawat udara yang dikendalikan terutamanya dari tempat di Malaysia dan yang digunakan semata-mata dalam menjalankan perniagaan di Malaysia; atau
- (c) apa-apa skim yang dibuat oleh seseorang pemastautin Australia dengan maksud menggunakan Malaysia sebagai conduit bagi pendapatan atau sebagai lokasi harta untuk mengelakkan atau menghindarkan cukai Australia melalui pengeksplotasian peruntukan kredit cukai asing Australia atau untuk memberikan faedah pada seseorang yang bukan pemastautin Australia, mahupun Malaysia.

6. Bagi maksud subperenggan (a) atau (b) perenggan 3, cukai Malaysia dilepaskan yang serupa dengan perenggan 4 dan tidak daripada jenis yang disebut dalam perenggan 5 hendaklah disifatkan sebagai cukai Malaysia dibayar.

7. Perenggan 4, 5, dan 6 tidak terpakai berhubung dengan pendapatan yang diperoleh dalam mana-mana tahun pendapatan selepas tahun pendapatan yang berakhir pada 30 Jun 2003.”;

- (b) memotong perkataan “5 dan 6” dan menggantikan “4 dan 6” dalam subperenggan (b) perenggan 8; dan
- (c) memotong perenggan 9 dan menomborkan semula perenggan 10 sebagai 9.

Perkara 6

Perkara 24 Perjanjian, sebagaimana yang dipinda, dipinda dengan menambahkan selepas perenggan 4 perenggan yang berikut:

“5. Bagi maksud perenggan 3 Perkara XXII (Perundingan) Perjanjian Am mengenai Perkhidmatan Perdagangan, Negara Pejanti bersetuju bahawa, walau apa pun perenggan itu, apa-apa pertikaian antara mereka tentang sama ada sesuatu langkah termasuk dalam ruang lingkup Perjanjian ini boleh dibawa di hadapan Majlis bagi Perkhidmatan Perdagangan, sebagaimana yang diperuntukkan

oleh perenggan itu, hanya dengan keizinan kedua-dua Negara Pejanji. Apa-apa keraguan tentang pentafsiran perenggan ini boleh diselesaikan di bawah perenggan 3 Perkara ini atau, ketiadaan persetujuan di bawah tatacara itu, menurut apa-apa tatacara lain yang dipersetujui oleh kedua-dua Negara Pejanji.”.

Perkara 7

Perkara 27 Perjanjian, sebagaimana yang dipinda, dipinda dengan menomborkan semula perenggan yang sedia ada sebagai 1 dan memasukkan selepas perenggan itu, yang berikut:

- “2. Orang yang berhak kepada kaedah cukai tertentu di bawah—
- (a) suatu undang-undang salah satu Negara Pejanji yang telah dikenal pasti dalam Pertukaran Surat antara Negara Pejanji; atau
 - (b) mana-mana undang-undang yang sebahagian besarnya serupa dengan undang-undang yang dikenal pasti sedemikian yang diperbuat kemudiannya oleh Negara Pejanji yang berkaitan,

tidak berhak kepada apa-apa faedah dalam Perjanjian ini.

3. Sekiranya salah satu Negara Pejanji sedar akan undang-undang yang sebahagian besarnya serupa dengan jenis yang disebut dalam subperenggan (b) perenggan 2, Negara Pejanji hendaklah berunding antara satu sama lain dengan tujuan untuk mengenal pasti undang-undang itu dalam Pertukaran Surat.”.

Perkara 8

Protokol ini, yang hendaklah menjadi bahagian perlu Perjanjian, sebagaimana yang dipinda hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang terakhir yang Negara Pejanji bertukar-tukar nota melalui saluran diplomatik yang memberitahu satu sama lain bahawa perkara terakhir sedemikian telah dibuat sebagaimana yang perlu untuk memberi Protokol ini kuat kuasa undang-undang di Australia dan di Malaysia masing-masingnya dan selepas itu Protokol ini hendaklah, mempunyai kuat kuasa—

- (a) di Australia—
 - (i) bagi maksud perenggan (a) Perkara 5 Protokol, berkenaan dengan cukai atas pendapatan bagi mana-mana tahun pendapatan yang bermula pada atau selepas 1 Julai 1992; dan
 - (ii) dalam mana-mana hal lain, berhubung dengan pendapatan mana-mana tahun pendapatan yang bermula pada atau selepas 1 Julai dalam tahun kalendar yang berikutan daripada tahun yang Protokol ini mula berkuat kuasa;
- (b) di Malaysia—
 - (i) bagi maksud perenggan (a) Perkara 5 Protokol, berkenaan dengan cukai Malaysia bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1 Januari 1993; dan

- (ii) dalam mana-mana hal lain, dikenakan dengan cukai Malaysia bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1 Januari dalam tahun kalendar yang berikutan daripada tahun yang Protokol ini mula berkuat kuasa.

PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini yang diberi kuasa dengan sewajarnya, telah menandatangani Protokol ini.

DIBUAT dalam dua salinan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, kedua-dua teks sama sahinya, di Genting Highlands pada 28 haribulan Julai Dua Ribu Dua.

Bagi pihak Kerajaan
Malaysia

Bagi pihak Kerajaan
Australia

Dibuat 23 April 2003
[Perb. 0.6869/17 Vol. 7(81); PN(PU²)80A/III]

DATO' DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967]

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE GOVERNMENT OF AUSTRALIA) ORDER 2003

IN exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] and subsection 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [Act 543], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of Australia) Order 2003**.

Double taxation relief

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of Australia with a view of affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Australian tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE

(Paragraph 2)

SECOND PROTOCOL AMENDING THE AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF AUSTRALIA FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTATION OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME AS AMENDED BY THE FIRST PROTOCOL OF 2 AUGUST 1999

The Government of Malaysia and the Government of Australia desiring to amend the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of Australia for the avoidance of double taxation and the prevention of fiscal evasion with respect to taxes on income done at Canberra on 20 August 1980 (as amended by the first Protocol to that Agreement, done at Sydney on 2 August 1999), in this Protocol referred to as “the Agreement, as amended”),

Have agreed as follows:

Article 1

Article 9 of the Agreement, as amended, is amended by adding after paragraph 2 the following paragraph:

“3. Where profits on which an enterprise of one of the Contracting States has been charged to tax in that State are also included, by virtue of the provisions of paragraph 1 or 2, in the profits of an enterprise of the other Contracting State and charged to tax in that other State, and the profits so included are profits which might reasonably have been expected to have accrued to that enterprise of the other State if the conditions operative between the enterprises had been those which might reasonably have been expected to have operated between independent enterprises dealing wholly independently with one another, then the first-mentioned State shall make an appropriate adjustment to the amount of tax charged on those profits in the firstmentioned State. In determining such an adjustment, due regard shall be had to the other provisions of this Agreement and for this purpose the competent authorities of the Contracting States shall if necessary consult each other.”.

Article 2

Article 10 of the Agreement, as amended, is deleted and substituted with the following:

“Article 10

DIVIDENDS

1. Dividends paid by a company which is a resident of one of the Contracting States for the purposes of its tax, being dividends to which a resident of the other Contracting State is beneficially entitled, may be taxed in that other State.

2. However, those dividends may also be taxed in the Contracting State of which the company paying the dividends is a resident, and according to the law of that State, but:

(a) in Australia:

- (i) no tax shall be charged on dividends to the extent to which those dividends have been “franked” in accordance with Australia’s law relating to tax, if the person beneficially entitled to those dividends is a company (other than a partnership) which holds directly at least 10 per cent of the voting power in the company paying the dividends; and
- (ii) tax charged shall not exceed 15 per cent of the gross amount of the dividends to the extent to which those dividends are not within subparagraph (a)(i); and

(b) in Malaysia:

no tax shall be charged on dividends paid by a company which is resident in Malaysia for the purposes of Malaysian tax being dividends to which a resident of Australia is beneficially entitled, in addition to the tax chargeable in respect of the income or profits of the company paying the dividends.

3. For the purposes of the paragraph 2, if the relevant law either Contracting State at the date of signature of this Protocol is varied otherwise than in minor respects so as not to affect its general character, the Contracting States shall consult each other with a view to agreeing to any amendment of that paragraph that may be appropriate.

4. The term “dividends” as used in this Article means income from shares, as well as other amounts which are subjected to the same taxation treatment as income from shares by the law of the State of which the company making the distribution is a resident for the purposes of its tax.

5. The provisions of paragraphs 1 and 2 shall not apply if the person beneficially entitled to the dividends, being a resident of one of the Contracting States, carries on business in the other Contracting State of which the company paying the dividends is a resident, through a permanent establishment situated in that other State, and the holding in respect of which the dividends are paid is effectively connected with that permanent establishment. In that case the provisions of Article 7 shall apply.

6. Where a company which is a resident of one of the Contracting States derives profits or income from other Contracting State, that other State may not impose any tax on the dividends paid by the company—being dividends to which a person who is not a resident of the other Contracting State is beneficially entitled—except insofar as the holding in respect of which, such dividends are paid is effectively connected with a permanent establishment situated in that other State, even if the dividends paid consist wholly or partly of profits or income arising in such other State. This paragraph shall not apply in relation to dividends paid by any company which is a resident of Australia for the purposes of Australian tax and which is also a resident of Malaysia for the purposes of Malaysian tax.

7. Dividends paid by a company which is a resident of Malaysia shall include dividends paid by a company which is a resident of Singapore which for the purpose of those dividends has declared itself to be a resident of Malaysia, but shall not include dividends paid by a company which is a resident of Malaysia which for the purpose of those dividends has declared itself to be a resident of Singapore.”.

Article 3

Article 12 of the Agreement, as amended, is amended by:

- (a) deleting paragraphs 3, 8 and 9 and renumbering the paragraphs 1 to 6;
- (b) deleting “paragraphs 1, 2 and 3” and substituting “paragraphs 1 and 2” in renumbered paragraph 3; and
- (c) deleting “or” at the end of subparagraph (c) of renumbered paragraph 6, renumbering existing subparagraph “(d)” as “(f)” and inserting the following subparagraphs:
 - “(d) the use in connection with television, radio or other broadcasting, or the right to use in connection with such broadcasting, visual images or sounds, or both, transmitted by:
 - (i) satellite; or
 - (ii) cable, optic fibre or similar technology;
 - (e) the use of, or the right to use, some or all of the part of the radio frequency spectrum specified in a relevant licence; or”.

Article 4

Article 21 of the Agreement, as amended, is deleted and substituted with the following:

“Article 21

OTHER INCOME

1. Items of income of a resident of one of the Contracting States, wherever arising, not dealt with in the foregoing Articles of this Agreement shall be taxable only in that State.
2. The provisions of paragraph 1 shall not apply to income, other than income from land as defined in paragraph 2 of Article 6, derived by a resident of one of the Contracting States where that income is effectively connected with a permanent establishment situated in the other Contracting State. In that case the provisions of Article 7 shall apply.
3. Notwithstanding the provisions of paragraphs 1 and 2, items of income of a resident of one of the Contracting States not dealt with in the foregoing articles of this Agreement from sources in the other Contracting State may also be taxed in the other Contracting State.”.

Article 5

Article 23 of the Agreement, as amended, is amended by:

(a) deleting paragraphs 4 to 7 and substituting the following:

“4. For the purposes of paragraph 5, the term “Malaysian tax forgone” means an amount which, under the laws of Malaysia and in accordance with this Agreement, would have been payable as Malaysian tax on income had that income not been exempted either wholly or partly from Malaysian tax in accordance with Schedules 7A and 7B of the Income Tax Act 1967 of Malaysia or sections 22, 23, 29, 29A, 29B, 29C, 29D, 29E, 29F, 29G, 29H, 31E, 35, 37 and 41B of the Promotion of Investments Act 1986 of Malaysia and section 45 of that Act to the extent that it relates to sections 21, 22, 26, or 30Q of the Investment Incentives Act 1968, so far as the sections were in force on, and have not been modified since, the date of signature of the Protocol second amending the Agreement or have been modified only in minor respects so as not to affect their general character.

5. Notwithstanding the operation of paragraph 4, Malaysian tax forgone shall not be deemed to have been paid in respect of income derived from:

- (a) banking, insurance, consulting, accounting, auditing or similar services; or
- (b) the operation of ships or aircraft, other than ships or aircraft operated principally from places in Malaysia and used solely in carrying on a business in Malaysia; or
- (c) any scheme entered into by an Australian resident with the purpose of using Malaysia as a conduit for income or as a location of property in order to evade or avoid Australia tax through the exploitation of the Australian foreign tax credit provisions or to confer a benefit on a person who is neither a resident of Australia, nor of Malaysia.

6. For the purposes of subparagraph (a) or (b) of paragraph 3, Malaysia tax forgone which answers the description in paragraph 4 and is not of a type referred to in paragraph 5 shall be deemed to be Malaysian tax paid.

7. Paragraphs 4, 5 and 6 shall not apply in relation to income derived in any year of income after the year of income that ends on 30 June 2003.”;

- (b) deleting the words “5 and 6” and substituting “4 and 6” in subparagraph (b) of paragraph 8; and
- (c) deleting paragraph 9 and renumbering paragraph 10 as 9.

Article 6

Article 24 of the Agreement, as amended, is amended by adding after paragraph 4 the following paragraph:

“5. For the purposes of paragraph 3 of Article XXII (Consultation) of the General Agreement on Trade in Services, the Contracting States agree that, notwithstanding that paragraph, any dispute between them as to whether a measure falls within the scope of this Agreement may be brought before the Council for Trade in Services, as provided by that paragraph, only with the consent of both Contracting States. Any doubt as to the interpretation of this paragraph shall be resolved under paragraph 3 of this Article or, failing agreement under that procedure, pursuant to any other procedure agreed to by both Contracting States.”.

Article 7

Article 27 of the Agreement, as amended, is amended by numbering the existing paragraph as 1 and adding after that paragraph, the following:

“2. Persons entitled to a particular tax treatment under:

- (a) a law of one of the Contracting States which has been identified in an Exchange of Letters between the Contracting States; or
- (b) any law substantially similar to such an identified law which is subsequently enacted by the relevant Contracting State,

shall not be entitled to any benefit of this Agreement.

3. In the event of either Contracting State becoming aware of a substantially similar law of the type referred to in subparagraph (b) of paragraph 2, the Contracting States shall consult each other with a view to identifying such law in an Exchange of Letters.”.

Article 8

This Protocol, which shall form an integral part of the Agreement, as amended, shall enter into force on the last of the dates on which the Contracting States exchange notes through the diplomatic channel notifying each other that the last of such things has been done as is necessary to give this Protocol the force of law in Australia and in Malaysia respectively, and thereupon this Protocol shall, have effect:

- (a) in Australia:
 - (i) for the purposes of paragraph (a) of Article 5 of the Protocol, in respect of tax on income of any year of income beginning on or after 1 July 1992; and
 - (ii) in any other case, in relation to income of any year of income beginning on or after 1 July in the calendar year next following that in which this Protocol enters into force;

(b) in Malaysia:

- (i) for the purposes of paragraph (a) of Article 5 of the Protocol, in respect of Malaysian tax for any year of assessment beginning on or after 1 January 1993; and
- (ii) in any other case, in respect of Malaysian tax for any year of assessment beginning on or after 1 January in the calendar year next following that in which this Protocol enters into force.

IN WITNESS WHEREOF the undersigned, being duly authorised, have signed this Protocol.

DONE in duplicate in English and Malay language, both texts being equally authentic, at Genting Highlands this 28th day of July, Two Thousand and Two.

For the Government of
Malaysia

For the Government of
Australia

Made 23 April 2003
[Perb. 0.6869/17 Vol. 7(81); PN(PU²)80A/III]

DATO' DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967]